



PENDIDIKAN MORAL TAHUN 2

SEKOLAH KEBANGSAAN PUCHONG UTAMA 2

TEMA: SAYA DAN KELUARGA

**UNIT 8: KELUARGA YANG ADIL
HIDUP SEJAHTERA**

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan
Pentaksiran (DSKP) KSSR Terkini

Jom baca dan fahami nota Unit 8



KELUARGA YANG ADIL HIDUP SEJAHTERA

1. Kita perlu bersikap adil terhadap keluarga dalam semua keadaan.
2. Berikanlah layanan yang sama rata kepada ahli keluarga.

Cara Bersikap Adil Terhadap Keluarga

1. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan adil.
2. Makanan dan barangan diagihkan sama rata.
3. Sesiapa yang melakukan kesalahan patut dihukum.
4. Hukuman perlu setimpal dengan kesalahan.
5. Bersikap adil dengan adik-beradik tanpa pilih kasih.

Kepentingan bersikap adil terhadap keluarga.

1. Mewujudkan keluarga harmoni.
2. Mengelakkan perasaan tidak puas hati.
3. Tidak mementingkan diri sendiri.
4. Mengambil kira perasaan dan keperluan ahli keluarga.
5. Melahirkan keluarga yang Bahagia.
6. Mengelakkan hubungan kekeluargaan.
7. Ahli keluarga saling menyayangi dan menghargai.

Aktiviti Pengukuhan 1

SP 8.1

Nyatakan sikap adil terhadap keluarga berdasarkan gambar di bawah.

wang belanja
secara sama rata


hukuman yang
sama rata

Dua buah
hadiah



Ayah mengenakan _____

terhadap anak-anak yang
melakukan kesalahan.



Ibu membeli _____

untuk adik kembar semasa hari
jadi mereka.



Ibu memberikan _____

kepada Aina dan Anas.

Aktiviti Pengukuhan 2


SP 8.2

Tandakan (/) pada cara bersikap adil terhadap keluarga yang betul berdasarkan gambar.

1.	(a)	Ibu membahagikan kerja rumah tanpa pilih kasih.	
	(b)	Ibu membahagikan kerja rumah secara pilih kasih.	



2.	(a)	Kakak telah membahagikan masa yang lebih untuknya menggunakan komputer.	
	(b)	Kakak telah membahagikan masa menggunakan komputer sama rata dengan adik, iaitu setiap seorang 15 minit.	



3.	(a)	Abang telah membeli gula-gula untuk saya dan adik sebanyak tiga biji setiap seorang.	
	(b)	Abang telah membeli gula-gula sebanyak dua biji untuk saya dan empat biji untuk adik.	



Aktiviti Pengukuhan 3

SP 8.3

Nyatakan kepentingan bersikap adil terhadap keluarga.

Keluarga menjadi
aman dan harmoni

Hubungan
kekeluargaan

Keluarga
bahagia

Perselisihan faham antara
adik-beradik

Perasaan tidak
puas hati

**Kepentingan
Bersikap Adil
terhadap
Keluarga**

1) Melahirkan _____

2) Megeratkan _____

3) Menghindari daripada _____

4) Megelakkan _____

5) Suasana _____



KELUARGA YANG ADIL

B. Padankan gambarajah dengan pernyataan yang sesuai dan betul.



Menyuruh anak-anak mengemas rumah tanpa pilih kasih.



Memastikan wang saku yang diberi kepada anak-anak adalah sama rata.



Memastikan kesemua anak-anaknya mendapat kasih sayang yang sama.



Memberi hadiah kepada anak-anak kerana berjaya dalam ujian



Membasuh kereta bersama adik beradik yang lain tanpa pilih kasih



SIKAP ADIL MEMBAWA BAHAGIA

Rujuk
Buku Teks
mukasurat 56

E. Tulis "ADIL" atau "TIDAK ADIL" pada pernyataan di bawah.

Situasi

Tindakan

1

Saya memberikan piza kepada semua ahli keluarga.

2

Saya dan abang bergilir-gilir membersihkan bilik stor.

3

Walaupun abang dan kakak lulus cemerlang, saya mengucapkan tahniah kepada kakak sahaja.

4

Saya menasihati adik-adik saya supaya belajar bersungguh-sungguh.

5

Saya memberikan makanan kepada semua haiwan peliharaan keluarga saya.

6


Saya menyuruh adik membasuh gelas yang saya gunakan.



SIKAP ADIL MEMBAWA BAHAGIA

F. Lengkapkan peta di bawah tentang perasaan apabila berlaku adil di rumah.

Puas hati	Putus asa	Bangga	Keliru
Sedih	Suka	Marah	Gembira



Selamat Maju Jaya: Cikgu Rajes/2021